

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY  
[ PENGKALAN CHEPA ]**

**SOALAN : 59**

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ] minta MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa lama lagi masa diperlukan oleh pihak Kerajaan bagi mengadakan inkues kematian Azri Mohamed dan Anisah Ali. Apakah alasan proses inkues kedua-dua kes ini masih belum dilakukan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kes kematian Pegawai Kastam Pn Anisah Ali yang terbabas semasa mengejar kenderaan disyaki Tonto ketika menjalankan tugas operasi Cegah Penyeludupan telah disiasat dibawah Sek.302 Kanun Keseksaan. Kejadian berlaku pada 7 Oktober 2016 di Kampung Banggol Kong Pasir Mas Kelantan. Hasil Siasatan Polis telah menahan 6 Lelaki Melayu yang disyaki terbabit namun tiada bukti kukuh untuk dituduh di mahkamah. Kertas Siasatan telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya pada 29 Januari 2019 dan belum ada arahan untuk tindakan inkues.

Walau bagaimanapun salah seorang suspek telah dituduh dibawah Seksyen 201 Kanun Keseksaan kerana memberi maklumat palsu. Kes ini sedang dalam perbicaraan mahkamah. Bagi kes Azri Mohamed yang merupakan banduan di Penjara Pengkalan Chepa telah meninggal dunia pada 14 September 2016 di Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu akibat kegagalan organ yang telah dijangkiti kuman. Kertas siasatan telah dikembalikan semula kepada pihak polis untuk merakam keterangan Pegawai Perubatan bagi mengenalpasti punca jangkitan kuman kepada si mati. Sehingga kini belum ada arahan diterima untuk diadakan inkues daripada Timbalan Pendakwaraya.